



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# UCAPAN BELANJAWAN 2022

TERENGGANU DARUL IMAN

*“Merakyatkan Sejahtera Untuk Semua”*

Dicetak oleh :



**SYARIKAT PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD.**  
Lot Sk. 53 Kws. Perindustrian Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman.  
Tel : 09-666 8611 / 6652 / 8601 Faks : 609-666 0611 / 666 0063  
Emel : spyitrg@yahoo.com Website : www.spyitrg.com



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# UCAPAN BELANJAWAN TAHUN 2022

Oleh

YANG AMAT BERHORMAT  
DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR  
MENTERI BESAR TERENGGANU

KETIKA MEMBENTANGKAN RANG ENAKMEN PERBEKALAN 2022  
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU

15 NOVEMBER 2021

“MERAKYATKAN SEJAHTERA UNTUK SEMUA”





## PENDAHULUAN

الْحَمْدُ لِلّٰهِ وَكَفٰى، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلٰامُ عَلٰى رَسُولِهِ الْمُصْطَفٰى، وَعَلٰى آلِهِ  
وَصَحْبِيهِ وَمَنِ اهْتَدَى، أَمَّا بَعْدُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,  
Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri,  
Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan dan Agensi,  
Para pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri, semua  
tetamu, petugas media dan pemerhati yang dirahmati Allah  
SWT sekalian,

1. Marilah kita semua menitipkan doa dengan tulus dan ikhlas ke hadrat Allah SWT semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu agar diberkati, dirahmati serta dikurniakan pimpinan Ilahi untuk terus menaungi dan memayungi Negeri Terengganu Darul Iman yang dikasihi ini. Kita amat bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya jualah kini kita sudah pun berada di Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Hampir keseluruhan aktiviti sosial dan ekonomi mula beroperasi semula mengikut norma baharu.

2. Dengan rendah diri juga saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua petugas barisan hadapan kesihatan, keselamatan dan sukarelawan yang bersiap siaga dan bertungkus lumus setiap masa untuk mengawal pandemik dan memberikan bantuan kepada yang memerlukan. Semoga semuanya diterima sebagai amal soleh di sisi Allah SWT.

# UCAPAN BELANJAWAN 2022



Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

3. Saya mohon membentangkan di Dewan ini, Enakmen Perbekalan Tahun 2022 bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2022. Butiran lengkap Enakmen Perbekalan Tahun 2022 ini adalah seperti terkandung dalam Buku Belanjawan 2022 Terengganu Darul Iman.

## PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI

### Sorotan Ekonomi Global dan Malaysia serta Sosioekonomi Terengganu

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

4. Akibat kesan pandemik COVID-19 yang teruk pada tahun 2020 terutamanya berikutan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan, penawaran dan permintaan produk pengeluaran dan perkhidmatan telah mengalami kejutan sehingga ekonomi global pada tahun lalu menguncup 3.2 peratus berbanding



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

- mengembang 2.8 peratus pada tahun sebelumnya.
5. Bagi keseluruhan tahun 2020, Amerika Syarikat merekodkan kelembapan ekonomi pada kadar negatif 3.4 peratus dan ekonomi Eropah pula dilaporkan merosot pada kadar negatif 6.5 peratus.
  6. Malaysia pula mencatatkan kemerosotan pada kadar 5.6 peratus iaitu kedudukan kedua terendah selepas tahun 1998 yang mencatatkan pertumbuhan negatif 7.4 peratus.
- Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,
7. Pada tahun 2020, KDNK Terengganu menguncup 5.7 peratus kepada RM33.9 bilion berbanding RM36.0 bilion pada tahun 2019. Hal ini didorong oleh sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan yang menyusut kepada negatif 3.4 peratus dan negatif 9.4 peratus masing-masing; selain semua sektor juga mencatatkan kemerosotan satu digit.
  8. Penyusutan ini terutamanya bertumpu di subsektor

## UCAPAN BELANJAWAN 2022



utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi; perdagangan borong dan runcit; serta produk petroleum, kimia, getah dan plastik.

9. Bagi segmen maklumat dan komunikasi; dan subsektor perkhidmatan kerajaan pula, kedua-duanya berkembang lebih baik kepada 7.7 peratus dan 3.7 peratus masing-masing berbanding tahun sebelumnya sekaligus mengurangkan impak negatif ke atas prestasi ekonomi negeri ini.
10. Walaupun KDNK Terengganu berada 0.1 mata peratus di bawah paras nasional, namun kedudukannya dalam perubahan peratus tahunan berbanding negeri-negeri lain bagi tempoh tiga tahun ini adalah semakin bertambah baik. Ini menunjukkan daya tahan dan daya saing ekonomi Terengganu mempunyai potensi mengukuh.
11. Pun begitu, Kerajaan Negeri juga menyedari bahawa pandemik yang sudah berlangsung selama hampir dua tahun ini telah menyebabkan keadaan sosioekonomi rakyat Terengganu merosot dengan signifikan.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

12. Ini dapat dilihat menerusi kadar pengangguran yang meningkat kepada 4.1 peratus pada tahun 2020 berbanding 3.5 peratus pada tahun 2019.
13. Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah pula menurun sebanyak 13.6 peratus kepada RM4,790 pada tahun 2020 berbanding RM5,545 pada tahun 2019.
14. Bagi menyokong pemulihan individu, isi rumah dan perniagaan yang terjejas, Kerajaan Negeri telah mengumumkan Pakej Rangsangan Terengganu Cakna pada tahun 2020 serta Inisiatif Khas COVID-19 dan Bantuan Ekonomi Rakyat Terengganu (BERKAT) pada tahun 2021 membabitkan implikasi kewangan berjumlah RM76 juta.
15. Kerajaan Persekutuan juga turut mengumumkan lapan (8) pakej rangsangan ekonomi sejak tahun lalu yang melibatkan kuantum berjumlah RM530 bilion bagi membantu rakyat di seluruh negara.

## UCAPAN BELANJAWAN 2022



16. Diharapkan bantuan-bantuan ini sedikit sebanyak telah dapat melegakan beban semua pihak yang terjejas dalam menghadapi *sunnatullah* yang berjalan sesuai dengan kemampuan manusia; sebagai ujian yang datang silih berganti dalam hidup di dunia ini. Firman Allah SWT, maksudnya :

*“Sesungguhnya Tuhanmulah yang meluaskan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) dan Dia juga yang menyempitkannya (menurut yang demikian). Sesungguhnya Dia Maha Mendalam pengetahuan-Nya, lagi Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya.”*

(Surah Al-Isra', 17:30)



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

17. Paling penting ialah kita menghadapi ujian ini dengan cara yang dipandukan oleh Rasulullah SAW. Sabda Baginda yang bermaksud :

*“Hendaklah kamu reda dengan ketentuan yang telah diberikan oleh Allah kepadamu, nescaya kamu menjadi orang yang paling kaya.”*

(Diriwayatkan oleh Ibn Majah)

18. Insya-Allah, Kerajaan Negeri akan sentiasa prihatin dan menunaikan tanggungjawab sebaiknya untuk membela semua rakyat dan penduduk negeri ini.



## Prospek Ekonomi 2021 / 2022

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

19. Alhamdulillah, menerusi pelaksanaan pelbagai polisi ekonomi tambahan dan program vaksinasi di negara-negara seluruh dunia, dilihat telah berjaya mengatasi impak negatif peningkatan kes jangkitan COVID-19 sekaligus memulihkan prestasi ekonomi.
20. Walaupun kegiatan ekonomi menjadi perlahan selepas pelaksanaan semula PKP penuh Fasa 1, secara keseluruhannya ekonomi negara terus meningkat pada suku kedua tahun ini apabila berkembang sebanyak 16.1 peratus berbanding negatif 0.5 peratus pada suku pertama; disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri dan prestasi eksport yang terus kukuh.
21. KDNK Malaysia bagi keseluruhan tahun 2021 pula diunjurkan berkembang antara 3.0 peratus hingga 4.0 peratus berdasarkan jangkaan pembukaan semula semua sektor ekonomi dan sosial pada suku keempat. Ini berikutan kemajuan dan keberkesanan pelaksanaan



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

- program vaksinasi yang memberangsangkan dan diharapkan dapat mendorong sentimen positif dalam kalangan perniagaan dan pengguna.
22. Manakala pada tahun 2022, KDNK Malaysia dijangka berkembang antara 5.0 peratus hingga 6.0 peratus iaitu kembali kepada trend pertumbuhan KDNK tahunan dalam tempoh pra-pandemik.
23. Justeru, Kerajaan Negeri mengunjurkan KDNK Terengganu bagi keseluruhan tahun 2021 kembali bertumbuh positif kepada antara 2.0 peratus hingga 2.2 peratus dan menyasarkan berkembang kepada antara 3.0 peratus hingga 3.4 peratus pada tahun 2022, insya-Allah.



## PITAS 2030 DAN MANIFESTO TERENGGANU (MT20)

### Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS) 2030

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

24. Dokumen rasmi PITAS2030 yang menggariskan hala tuju dan fokus Kerajaan Negeri ini akan menjadi panduan dan keutamaan kepada para pemimpin, pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri serta semua jabatan dan agensi bagi memastikan kita dapat merealisasikan visi “Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera” pada tahun 2030.
25. Sejak PITAS2030 diperkenalkan pada tahun 2018, kini kemajuannya mencecah hampir 30 peratus daripada keseluruhan 50 mercu tanda yang dirancang.
26. Menerusi Majlis Tindakan PITAS yang telah ditubuhkan dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil di bawahnya, banyak lagi inisiatif yang akan digerakkan untuk mencapai kesemua 50 objektif yang ditetapkan.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

### Manifesto Terengganu (MT20)

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

27. Berkenaan 20 Manifesto Terengganu (MT20), sukacita saya mengumumkan bahawa empat (4) lagi manifesto telah bertukar status kepada “dilaksanakan” menjadikan keseluruhannya 18 manifesto berbanding 14 manifesto seperti yang telah saya umumkan pada Mei lalu.
28. Empat (4) manifesto tersebut ialah Perkampungan Darul Barakah, Wad Kelas 3 Percuma, Skim Pembiayaan Perumahan Terengganu (i-RAHMAN) dan Pencen Rakyat Warga Emas.
29. Baki dua (2) manifesto lagi iaitu Bandar Baharu Lestari dan Institut Pengajian Tinggi Islam Negeri, suka untuk saya maklumkan perkembangan berikut

#### (1) **Bandar Baharu Lestari**

Setelah membuat penilaian berdasarkan lapan



(8) prinsip pembangunan bandar lestari yang berkonsepkan islamik, lestari dan pintar, adalah dimaklumkan bahawa **Bukit Seraya telah dipilih sebagai lokasi rintis**. Justeru, satu *taskforce* ditubuhkan untuk memastikan pelan secara teknikal dan mikro dapat dilaksanakan dengan baik dan secepat mungkin.

## (2) Institut Pengajian Tinggi Islam Negeri

Kerajaan Negeri bersetuju untuk menaik taraf Kolej al-Quran Terengganu (KQT) dengan membina sebuah kampus induk di Durian Mentangau di atas tanah seluas 300 ekar dan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM350 juta. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengadakan **majlis pecah tanah pada awal tahun hadapan**.

30. Walaupun ada sesetengah pihak berhelah dengan mengatakan bahawa manifesto hanyalah umpan pilihan raya dan bukan kitab suci, namun kita sebagai orang Islam tetap beriman bahawa janji wajib ditunaikan semampunya.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

### BELANJAWAN 2022

#### Anggaran Hasil dan Anggaran Perbelanjaan

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

31. Bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri akan membelanjakan sejumlah RM1.657 bilion untuk Perbelanjaan Mengurus, RM600 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan dan RM40 juta untuk Perbelanjaan Bekalan Air.
32. Dibawah **Perbelanjaan Mengurus**, sebanyak RM92.99 juta diperuntukkan bagi Perbelanjaan Tanggungan dan RM1.56 bilion bagi Perbelanjaan Bekalan iaitu sebanyak RM264.84 juta untuk Emolumen, RM244.47 juta untuk Perkhidmatan dan Bekalan, RM22.14 juta untuk Aset, RM1.032 bilion untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM1 juta untuk Lain-lain.
33. Di bawah komponen Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, sejumlah RM400 juta dicarum ke Kumpulan Wang Pembangunan; RM230 juta bagi pemberian kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun



dan Pelbagai Agensi; RM664.71 juta bagi pemberian kepada Jabatan-jabatan Kerajaan dan RM270 juta bagi program-program Pelbagai Perkhidmatan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan.

34. Dibawah **Perbelanjaan Pembangunan** pula, sebanyak RM436.92 juta (72.82%) diperuntukkan untuk Sektor Sosial merangkumi pendidikan, infrastruktur dan kemudahan awam, pembangunan bandar dan luar bandar serta sukan dan perumahan; RM137.28 juta (22.88%) pula untuk Sektor Pentadbiran merangkumi teknologi maklumat, pentadbiran am serta projek khas dan projek penting luar jangka; dan RM25.8 juta (4.30%) untuk Sektor Ekonomi merangkumi pertanian, pelancongan dan industri termasuk industri mikro, kecil dan sederhana.
  
35. Manakala bagi **hasil** pula, Kerajaan Negeri menganggarkan sejumlah RM1.507 bilion iaitu sebanyak RM61.02 juta daripada Hasil Cukai, RM157.49 juta daripada Hasil Bukan Cukai dan RM1.28 bilion daripada Terimaan Bukan Hasil termasuk Royalti Petroleum.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

### Suara Rakyat

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

36. Dalam proses penyediaan Belanjawan 2022 ini, selain mendapatkan input menerusi sesi konsultasi peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, maklum balas daripada jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, serta libat urus dengan pakar-pakar daripada pelbagai bidang, Kerajaan Negeri juga sentiasa prihatin dengan keperluan dan permintaan rakyat.
  
37. Walaupun tidak dapat meneruskan program jelajah di semua daerah secara bersemuka, namun suara rakyat tetap didengar Kerajaan Negeri. Berdasarkan cadangan dan aduan daripada rakyat yang diterima melalui portal e-Bajet 2022, Kerajaan Negeri dapat merumuskan tujuh (7) isu utama berikut :
  - (1) Bekalan dan pemilikan rumah
  - (2) Pengurusan bantuan kerajaan
  - (3) Perkhidmatan bekalan air

## UCAPAN BELANJAWAN 2022



- (4) Penyediaan peluang pekerjaan
  - (5) Kemudahan pengangkutan dan perhubungan
  - (6) Pembangunan tanah
  - (7) Keseimbangan pembangunan wilayah
38. Saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan input dalam penyediaan belanjawan ini.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

### Fokus Belanjawan

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

39. Setelah mengambil kira situasi semasa, menimbang permintaan dan keperluan rakyat serta menyemak kedudukan kewangan dan keupayaan jentera Kerajaan Negeri, izinkan saya untuk membentangkan Belanjawan 2022 Terengganu Darul Iman yang bertemakan **“Merakyatkan Sejahtera Untuk Semua”**.

Belanjawan ini mengandungi 147 inisiatif di bawah 22 objektif yang dipayungi oleh lima (5) teras berikut :

- TERAS 1** : Memperkuat Daya Tahan Isi Rumah
- TERAS 2** : Memperkuat Kesejahteraan Sosial Masyarakat
- TERAS 3** : Memperbaik Ketersediaan Kemudahan Awam Rakyat
- TERAS 4** : Memberdaya Pertumbuhan Ekonomi Negeri
- TERAS 5** : Memperindah Persekutuan dan Melindungi Alam



## TERAS 1 : MEMPERKUAT DAYA TAHAN ISI RUMAH

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Objektif 1 : Menambah Peluang dan Penempatan Pekerjaan**

40. Walaupun dalam suasana pasaran pekerjaan yang terjejas, berdasarkan statistik penempatan pekerjaan di Terengganu yang berdaftar dengan MYFutureJobs dari tahun 2019 sehingga Oktober tahun ini, ia menunjukkan trend peningkatan iaitu daripada 806 kepada 3,085 dan 8,266 masing-masing. Ini menunjukkan bahawa terdapat banyak peluang pekerjaan yang boleh diisi oleh rakyat di negeri kita.
  
41. Pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri menyasarkan 4,000 peluang pekerjaan akan diwujudkan dalam pelbagai sektor.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

42. Bagi mencapai sasaran ini, Kerajaan Negeri akan menubuhkan **Pusat Cari Kerja** sebagai pusat sehentian yang menawarkan perkhidmatan pekerjaan bersepadau seperti pemadanan pekerjaan serta penyediaan maklumat dan khidmat nasihat kepada pekerja dan majikan. Sebanyak **RM800 ribu** diperuntukkan.
  
43. Selain itu, melihat kepada kejayaan **Program Outreach Kesejahteraan Pekerjaan Rakyat Negeri Terengganu** yang telah diadakan di Besut, Kuala Terengganu dan Dungun dengan kadar kejayaan temuduga sebanyak 87 peratus, Kerajaan Negeri bersetuju meneruskan lagi program ini dengan peruntukan sebanyak **RM200 ribu**.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Objektif 2 : Menggalakkan Keusahawanan dan Meningkatkan Keupayaan Kendiri**

44. Rakyat kita perlu diganjak minda mereka daripada menjadi pencari kerja kepada penjana pekerjaan. Antaranya ialah dengan menceburi keusahawanan.

## UCAPAN BELANJAWAN 2022



45. Justeru, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **RM60 ribu** untuk melaksanakan program ***Business Pitching and Matching*** bagi menyediakan peluang keusahawanan terutamanya kepada para belia yang berminat menceburi bidang keusahawanan.
46. Mengenai modal untuk memulakan perniagaan pula, dengan ini saya mengumumkan peruntukan sebanyak **RM2 juta** untuk **Geran Tunas Usahawan**. Geran bernilai antara RM3,000 hingga RM5,000 ini disediakan kepada para belia yang serius mahu menjalankan perniagaan setelah tamat menjalani latihan keusahawanan intensif seperti JUMPER (PUNB), SUPERB (TERAJU), TUBE (SME) atau yang dianjurkan oleh Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU).
47. Selain itu, bagi meningkatkan keupayaan kendiri 1,600 individu yang dilaporkan hilang pekerjaan semasa pandemik, Kerajaan Negeri akan menyediakan **latihan pemahiran semula dan peningkatan kemahiran secara percuma** di institut latihan milik Kerajaan Negeri seperti TATIUC dan TESDEC.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Objektif 3 : Memperkasakan Pengurusan Bantuan Kerajaan**

48. Bagi memperkasakan pengurusan bantuan Kerajaan Negeri, ia akan diperkemaskan lagi di bawah jenama **“Tegnu Care”** supaya dapat memberikan perhatian yang lebih menyeluruh terhadap keperluan rakyat meliputi aspek kebajikan, kesihatan, agama dan sosial.
49. Bagi mencapai tujuan ini, **Majlis Sosial Negeri Terengganu** yang akan ditubuhkan, diberi tanggungjawab untuk merangka dasar dan pelan tindakan “Tegnu Care” yang lengkap.
50. Tabung Darul Iman pula akan dinaik taraf kepada **Yayasan Darul Iman** dengan disediakan peruntukan sebanyak **RM5 juta** bagi menyantuni lebih 6,000 permohonan pada setiap tahun.
51. Bagi menyediakan akses kepada ahli kariah untuk mendapatkan barang keperluan asas pada harga



yang lebih berpatutan selain dapat menjana ekonomi komuniti, sebanyak **RM200 ribu** diperuntukkan bagi menubuhkan dan memperkasakan koperasi masjid.

52. Supaya rakyat kita terutamanya penerima-penerima bantuan ini mempunyai kemahiran pengurusan kewangan yang baik, **Program Literasi Kewangan** akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM50 ribu**.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

53. Pada hari ini juga saya ingin mengumumkan bantuan i-Fitri bernilai **RM400** kepada 31,500 isi rumah miskin dan **RM250** kepada 83,500 isi rumah berpendapatan antara RM2,500 hingga RM5,000 yang akan disalurkan menjelang hari raya nanti. Bantuan ini diharapkan dapat menyokong kewangan kesemua isi rumah B40 dan sebahagian isi rumah M40 supaya dapat meraikan Aidilfitri dengan lebih meriah dan berkat setelah dua tahun menyambutnya dengan penuh keterbatasan.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

### TERAS 2 :

#### MEMPERKUKUH KESEJAHTERAAN SOSIAL MASYARAKAT

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

#### **Objektif 1 : Mengukuhkan Penghayatan dan Pelaksanaan Islam**

54. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah melancarkan **Modul Itqan Insani**. Justeru, untuk pelaksanaannya pada tahun 2022, sebanyak **RM1 juta** disediakan.
55. Bagi menambah nilai dan memantapkan kefahaman para agamawan dan pendakwah terhadap hukum-hakam semasa, Kerajaan Negeri akan menganjurkan **Multaqa Ulama Seluruh Malaysia** menerusi peruntukan sebanyak **RM100 ribu**.
56. Sebagai menyokong institusi kehakiman syariah, pembangunan **Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Kemaman** akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM3 juta** manakala bagi **Mahkamah**

## UCAPAN BELANJAWAN 2022



**Rendah Syariah Daerah Setiu** pula akan dimulakan aktiviti perancangan dan perolehan bagi pembinaan premis baharunya.

57. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri akan melaksanakan **Program Perkampungan Syariah** yang berkonsepkan pendidikan dan pelancongan untuk meningkatkan pengetahuan dan penghayatan orang ramai berkaitan konsep, aplikasi dan hikmah undang-undang syariah. Sebanyak **RM200 ribu** diperuntukkan.
58. Bagi memastikan agenda-agenda syariah ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, **Sekretariat Pelaksanaan Agenda Syariah** akan ditubuhkan melibatkan pelbagai jabatan dan agensi yang berkaitan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

59. Bagi menghargai peranan 150 orang **imam dan bilal di bawah Skim Mubaligh**, dengan ini saya mengumumkan bantuan tunai **one-off** berjumlah **RM150** sebagai tambahan atas pemberian sebanyak



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

RM500 oleh Kerajaan Persekutuan kepada semua imam dan bilal di seluruh negara.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Objektif 2 : Meningkatkan Kesejahteraan Institusi Keluarga dan Masyarakat**

60. Setelah dua tahun **Majlis Walimatulurus Perdana** ditangguhkan, ia akan dianjurkan semula bagi meringankan beban golongan belia untuk mendirikan rumah tangga. Sebanyak 400 pasangan disasarkan akan menyertainya. Justeru, sebanyak **RM1.2 juta** diperuntukkan.
  
61. Bagi mengukuhkan kesejahteraan keluarga, program **“Hari Sabtu, Hari Keluarga”** akan dirancakkan lagi dengan pelbagai aktiviti di banyak lokasi. Justeru, Kerajaan Negeri mengalu-alukan penglibatan pelbagai pihak untuk turut serta menjadi hos bagi melaksanakan program ini di taman-taman awam atau pusat-pusat rekreasi.



62. Untuk mengeratkan perpaduan dalam kalangan rakyat, program seperti **Moments of Unity**, **Larian Sayangi Malaysiaku**, **Patriotic Ride** dan **sambutan perayaan Tahun Baru Cina dan Deepavali** akan diadakan.
63. Sebanyak **RM500 ribu** diperuntukkan untuk menjayakan kedua-dua program pembangunan keluarga dan masyarakat ini.
64. Program untuk membentuk sahsiah dan membangunkan potensi remaja iaitu **Generasi Islah Falah Terengganu (GIFT)** dan **Fityah Terengganu (FATEH)** juga akan diteruskan susulan mendapat sambutan yang luar biasa daripada lebih 10,000 pelajar sejak tahun lalu.
65. **Perkampungan Darul Barakah** yang telah memulakan operasinya sejak Jun lalu pula disediakan peruntukan sebanyak **RM1.8 juta** untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan ketersediaan kemudahan sesuai dengan pertambahan pelatih pada tahun hadapan.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Objektif 3 : Menyokong Pemberdayaan Wanita dan Belia**

66. Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk mewujudkan **Kompleks Wanita Sejahtera** yang berperanan sebagai pusat aktiviti setempat bagi kegunaan kaum hawa. Kompleks ini juga akan menganjurkan pelbagai program latihan kemahiran selain menyediakan perkhidmatan kaunseling dan guaman untuk golongan wanita.
67. Kerajaan Negeri amat cakna terhadap nasib golongan suri rumah yang terkesan dengan pandemik. Justeru, bagi meningkatkan taraf dan kualiti hidup golongan ini, **Program Bengkel Kemahiran Suri dan Program Inspirasi Suri Sejahtera** akan dilaksanakan di bawah Pelan Pembangunan Keberdayaan Suri Rumah Terengganu.
68. Di samping itu, **Karnival Orang Puang Terengganu** dan **Persidangan Wanita Inspirasi Terengganu** juga akan dilaksanakan untuk mempromosikan imej



sosiobudaya dan pencapaian wanita Terengganu dalam aspek kepimpinan, kekeluargaan, pendidikan dan keusahawanan. **Dasar Wanita Terengganu** juga akan dilancarkan pada awal tahun hadapan.

69. Justeru, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **RM400 ribu** kepada Urus Setia Wanita Terengganu (USWa) bagi melaksanakan kesemua program ini.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

70. Bagi menyokong kehidupan para isteri dan kaum ibu, sukacita saya mengumumkan **bantuan tunai one-off** bernilai **RM150** kepada 6,000 **isteri ketua isi rumah e-Kasih dan ibu tunggal** yang berpendapatan di bawah RM2,500.
71. Buat seramai 8,900 **orang kelainan upaya (OKU)** daripada isi rumah berpendapatan RM4,000 dan ke bawah pula, juga akan menerima **bantuan tunai one-off** bernilai **RM150**.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

72. Di bawah Urus Setia Belia, Sukan dan NGO Terengganu Sejahtera (UBSNT) akan ditubuhkan **Akademi Kepimpinan Generasi al-Fateh** untuk membangunkan sahsiah dan kepemimpinan belia dengan lebih bersasar, berstruktur dan holistik. Inilah generasi pelapis yang bakal menggantikan kita semua pada masa hadapan. Bagi menjayakannya, sebanyak **RM2.5 juta** diperuntukkan.
73. Bagi mengukuhkan lagi peranan NGO, Kerajaan Negeri akan mewujudkan **Anjung Sejahtera NGO Terengganu** sebagai pusat operasi dan aktiviti pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan kesukarelawanan ini. **Bantuan pengurusan badan belia dan NGO** juga akan ditambah. Sebanyak **RM1.1 juta** diperuntukkan.
74. Ke arah memperkasakan lagi para belia dan pertubuhan belia, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM580 ribu** untuk melaksanakan **Program**



## Kecemerlangan Belia, Anugerah Belia, Majlis Perundingan Belia dan Hari Belia.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

75. Kerajaan Negeri juga ingin mengajak rakyat mengamalkan gaya hidup sihat dalam aktiviti sehari-hari menerusi program **Sukan Untuk Semua (SUS)**. Program yang dirancang ini antaranya ialah Sukan Rakyat, Liga Komuniti Anak Muda, *Fit is Sunnah*, Sukan Lasak dan e-Sport. Sebanyak RM1 juta diperuntukkan bagi menjayakan program-program ini di seluruh negeri.
  
76. Kini, Terengganu semakin terkenal sebagai “Negeri Kayuhan Basikal” menerusi jenama **GATEH**. Bagi menggiatkan lagi promosi dan aktiviti berbasikal di negeri ini, peruntukan sebanyak **RM920 ribu** disediakan termasuk bagi membina monumen dan menyediakan laluan kayuhan basikal sepanjang 9.3 kilometer dari Kuala Ibai ke Teluk Ketapang.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

77. Bagi menyokong kewangan golongan belia, dengan ini saya mengumumkan **bantuan tunai one-off** bernilai **RM150** kepada **66,400 belia bujang berumur antara 18 hingga 39 tahun** dan **21,800 orang mahasiswa** daripada isi rumah berpendapatan RM4,000 dan ke bawah. Diharapkan bantuan ini dapat dimanfaatkan sebaiknya untuk memenuhi keperluan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### Objektif 4 : Membela Warga Emas

78. Pada tahun hadapan, pusat jagaan harian warga emas muslimah **Baitul Ummi** di Kuala Terengganu akan memulakan operasinya. Sebanyak **RM500 ribu** diperuntukkan.
79. Selain itu, **Pusat Integrasi Sosial Warga Emas (PISWE)** juga akan diwujudkan di masjid-masjid terpilih untuk memberikan keselesaan kepada golongan warga emas menimba ilmu dan menyertai pelbagai aktiviti lain.



80. Pemberian **Pencen Rakyat Warga Emas** juga akan diteruskan kepada lebih ramai penerima yang layak dengan peruntukan berjumlah **RM13 juta**.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

## **Objektif 5 : Menambah Akses Perkhidmatan Kesihatan Berkualiti**

81. Program **Kad Sejahtera** kini telah mencapai sasaran 20,000 penerima. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyemak semula syarat kelayakan dan manfaat program ini supaya lebih ramai orang mendapat kebaikan yang optimum daripadanya. Sebanyak **RM10 juta** diperuntukkan.
82. Sebagai langkah pencegahan kanser payudara dan pangkal rahim dalam kalangan wanita berusia 35 tahun dan ke atas, **program pemeriksaan *mammogram* dan *pap smear*** akan diteruskan di seluruh negeri.
83. **Pusat Autisme Sejahtera Terengganu (PAS-T)** juga akan dimulakan operasinya dengan peruntukan



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

sebanyak **RM300 ribu**. Pusat ini ditubuhkan untuk meningkatkan potensi diri anak berkeperluan khas dengan pendekatan pembelajaran kepada anak-anak autisme di negeri ini.

84. Melihat kepada masalah kesihatan mental yang semakin melarat sehingga membawa kepada insiden bunuh diri terutamanya akibat kemurungan dan tekanan perasaan, Kerajaan Negeri akan menyediakan **khidmat perundingan dan rawatan kesihatan mental secara percuma** di hospital di bawah anak syarikat Kerajaan Negeri dan pusat kaunseling swasta yang terpilih. Di samping itu, **kempen kesedaran kesihatan mental** juga akan dipergiatkan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Objektif 6 : Mengembangkan Kecemerlangan Pendidikan**

85. Bagi menyediakan tabungan awal kepada setiap kelahiran baharu di negeri ini, program kerjasama antara Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

## UCAPAN BELANJAWAN 2022



(PTPTN) iaitu **Skim Permata Sejahtera** akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM750 ribu**.

86. Melihat sambutan masyarakat yang sangat menggalakkan terhadap Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) dan Sekolah Menengah Islam Darul Iman (SMIDI), maka Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM1.35 juta** untuk menujuhkan **SRIDI Kuala Berang** dan menaik taraf **SRIDI di seluruh negeri** serta **RM3 juta** untuk membina bangunan kekal **SMIDI Ajil**. Selain itu, pembinaan bangunan kekal **SRIDI Bukit Besi** juga sedang dirancang.
87. Pemberian **bantuan pakaian dan peralatan persekolahan** juga akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM5 juta**. Disamping itu, sebanyak **RM5 juta** lagi disediakan untuk **Tabung Siswa Pelajar** bagi membiayai yuran pengajian peringkat ijazah pertama di dalam dan luar negara.
88. Bagi memastikan pendidikan agama Islam dan al-Quran sentiasa diperkasakan, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **RM8.5 juta** untuk **Skim Mus'ab bin Umair** dan **RM6 juta** untuk **Skim al-Ghazali**.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

89. Sebanyak **RM4** juta lagi turut disediakan sebagai **bantuan per kapita untuk sekolah pondok, sekolah agama rakyat dan pusat pendidikan agama** yang berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Objektif 7 : Memelihara Keselamatan dan Keamanan**

90. Kerajaan Negeri amat gusar terhadap isu penagihan dan pengedaran dadah yang semakin meningkat di negeri ini. Justeru, Kerajaan Negeri menambah peruntukan kepada **RM50 ribu** khusus bagi menggiatkan lagi **program pencegahan dadah dalam komuniti** bersama dengan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).
91. Kerajaan Negeri juga menerusi unit-unit tubuh dan institusi masyarakat di semua peringkat akan terus memberikan kerjasama kepada pihak PDRM untuk mempergiatkan usaha pencegahan jenayah



terutamanya menerusi program *Omnipresence* dan Kepolisian Komuniti (*Community Policing*).

## TERAS 3 :

### MEMPERBAIK KETERSEDIAAN KEMUDAHAN AWAM RAKYAT

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

#### **Objektif 1 : Menambah Baik Bekalan dan Pengurusan Perumahan**

92. Sebagai maklum balas mengenai isu bekalan dan pemilikan rumah yang dibangkitkan oleh rakyat, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM24.4 juta** untuk meneruskan pembinaan **Rumah Mampu Milik (RMM)** **Pulau Redang, Bukit Gasing II, Gong Chengal II** dan **Tajin serta Rumah Pangsa Mampu Milik (RPMM)** **Tok Jembal dan Banggol Pauh.**
  
93. Saya juga ingin memaklumkan bahawa sebanyak 825 unit rumah telah disiapkan pada tahun ini dan sedia



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

- untuk diagihkan iaitu **PPR Kuala Nerus (500 unit), RMM Seri Bandi (220 unit) dan Lamanda Seri Iman (105 unit).**
94. Manakala 670 unit rumah lagi akan disiapkan pada tahun hadapan iaitu **RMM Tajin (250 unit), RPMM Tok Jembal (160 unit), RPMM Pulau Redang (160 unit) dan RMM Tempinis (100 unit).**
95. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan **Skim Pembiayaan Perumahan Terengganu (i-RAHMAN)** dengan peruntukan sebanyak **RM30 juta** bagi menyediakan akses pembiayaan untuk membina atau membeli rumah kepada rakyat di negeri ini.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Objektif 2 : Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Bekalan Air**

96. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan mengelakkan insiden gangguan bekalan air berskala besar berulang, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan



Bekalan Air (JBA) Negeri Terengganu dan Syarikat Air Terengganu (SATU) sedang merangka dan akan melaksanakan **pelan mitigasi dan rancangan strategik perkhidmatan bekalan air** yang lebih menyeluruh.

97. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah **RM40 juta** bagi **kerja-kerja pemasangan paip air retikulasi, penukaran paip-paip baharu serta kerja-kerja menaik taraf infrastruktur bekalan air** di seluruh negeri.
98. Selain melaksanakan projek baharu, **kerja-kerja baik pulih dan menaik taraf Loji Rawatan Air di Bukit Sah, Kemaman dan Skim Bekalan Air Kuala Terengganu Utara** juga sedang giat dilaksanakan dan sudah berada di peringkat akhir.
99. SATU juga akan melaksanakan **projek menaik taraf paip air kritikal di Kuala Terengganu, Kuala Nerus dan Marang.**



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Objektif 3 : Memajukan Penerimاغunaan Teknologi Digital dan Telekomunikasi**

100. Dalam mendepani cabaran Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0), Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM4** juta bagi melaksanakan inisiatif di bawah **Pelan Induk Kerajaan Digital PINTAR Terengganu 2021-2030** dan **Pelan Strategik Taman Maya AI Terengganu**, antaranya pembangunan sistem bersepadu bantuan Kerajaan Negeri, sistem keselamatan *Smart AI* di Wisma Darul Iman, TerengganuGovCloud (TCloud), pengaplikasian *Internet of Things* dalam sektor pertanian dan pembangunan Taman Pelancongan AI.
  
101. Bagi menyelesaikan masalah liputan internet yang lemah terutamanya di kawasan luar bandar, Kerajaan Negeri akan terus memberikan kerjasama dan keutamaan kepada inisiatif di bawah Jalinan Digital Negara (JENDELA) dalam menambah jalinan fiber optik dan meningkatkan liputan 4G termasuk

## UCAPAN BELANJAWAN 2022



menambah bilangan menara telekomunikasi.

102. Seiring dengan perkembangan e-dagang, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM100 ribu** bagi **mempromosikan penggunaan dan perkhidmatan transaksi tanpa tunai** dalam kalangan pengguna dan peniaga di negeri ini. Pendekatan ini bukan sahaja dapat memudahkan pengguna, bahkan turut meningkatkan hasil jualan peniaga.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Objektif 4 : Melaksanakan Projek Rakyat**

103. Demi memenuhi keperluan dan menjamin keselesaan rakyat, **kerja-kerja menaik taraf jalan, dewan, balai raya, longkang dan saliran serta projek-projek kecil DUN** akan terus dilaksanakan. Ketersediaan infrastruktur yang baik ini bakal memberi impak yang besar kepada sosioekonomi rakyat setempat.
104. Selain itu, **projek menaik taraf jambatan merentasi Sungai Marang** dengan **kos RM435.8 juta** telah



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

- diluluskan dalam RMK12.
105. Manakala, **projek pengawalan hakisan pantai di Kuala Nerus dan pembinaan tanjung buatan di Pantai Teluk Lipat, Dungun** juga sedang giat dilaksanakan bagi mengurangkan impak dan menangani hakisan yang berlaku di kawasan berkenaan.
106. **Rancangan Tebatan Banjir Bukit Payung, Marang dengan kos RM60 juta, Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Terengganu dan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Marang** juga telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.
107. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak **RM2.7 juta** bagi **Projek Tebatan Banjir Baroh Tok Jiring**. Projek ini dijangka mampu mengatasi masalah banjir di kawasan Gong Badak dan sekitarnya.



Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

## **Objektif 5 : Memperkasakan Perkhidmatan Kerajaan dan Pengurusan Bencana**

108. Selain Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan tahunan untuk BAS KITE yang berkonsepkan pelancongan sebagai bas berhenti-henti sekitar Kuala Terengganu, Kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukkan sebanyak RM105 juta bagi Dana Bantuan Sementara Pengusaha Bas Berhenti-henti (DBSPB) di seluruh Malaysia dan RM48 juta lagi bagi memastikan perkhidmatan dengan jenama myBAS terus kekal beroperasi di beberapa negeri termasuk Terengganu.
  
109. Bagi memberikan penerangan berkaitan dasar dan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan lebih berkesan, **Karnival Penerangan UPDI** dan **Sahabat UPDI** akan dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah **RM1.3 juta**.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

110. Projek Sistem e-Tanah yang melibatkan kos sebanyak **RM117.14 juta** menerusi kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu (PTG) juga akan dilaksanakan. Sistem ini bertujuan menambah baik proses pendaftaran pemilikan harta tanah dan meningkatkan hasil kerajaan serta menarik minat pelabur melalui pendekatan *Ease of Doing Business* (EODB) menerusi penggunaan sistem secara elektronik.
  
111. Dalam menghadapi kemungkinan banjir susulan fenomena air pasang besar dan hujan lebat pada musim tengkujuh sekarang ini, terima kasih juga diucapkan kepada Kerajaan Persekutuan atas persiapan awal yang disediakan untuk negeri-negeri Pantai Timur terutamanya yang melibatkan bantuan tenaga kerja dan logistik. Antaranya, 13,274 anggota agensi *responder*; 1,531 kenderaan darat dan air serta 6,689 aset bukan kenderaan; lebih 8,000 kit makanan; dan lebih 500 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Terengganu.



## TERAS 4 :

### MEMBERDAYA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

#### **Objektif 1: Menyokong Perniagaan**

112. Menyedari ramai usahawan PKS terjejas teruk akibat pandemik, Kerajaan Negeri bersetuju menambah peruntukan **Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS)** kepada **RM10 juta**.
113. Pusat Bersepadu Pemasaran PKS Terengganu **Abdul Rahman Auf Hub (ARAH)** akan diwujudkan sebagai pusat pengumpulan, pembungkusan dan pengedaran berskala besar bagi membantu para usahawan untuk mengembangkan perniagaan. Justeru, sebanyak **RM500 ribu** diperuntukkan.
114. Selain itu, Kerajaan Negeri akan membangunkan dan menaik taraf **bengkel batik di Penjara Marang, Galeri Seni Warisan dan kiosk-kiosk perniagaan di pusat-pusat tumpuan pelancong**. Usaha ini bagi



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

menyediakan infrastruktur dan peluang yang lebih baik kepada para usahawan bagi meraih hasil jualan yang lebih tinggi.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

115. Bagi membantu **peniaga kecil dan penjaja** yang terjejas teruk akibat pandemik, bantuan bernilai antara **RM500 hingga RM1,000** akan diberikan kepada 3,000 penerima yang layak. Bantuan ini akan diberikan dalam bentuk **tunai atau peralatan**.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Objektif 2 : Merancakkan Industri Pelancongan**

116. Industri pelancongan akan terus diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri supaya dapat dirancakkan semula untuk menarik kehadiran lebih ramai pelawat sekaligus merangsang pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Justeru, sebanyak **RM4.5 juta** diperuntukkan bagi melaksanakan program-program galakan pelancongan.



117. Produk dan aktiviti **pelancongan berdasarkan komuniti (CBT)** akan terus diperkuuh dan dibangunkan bagi mempelbagaikan produk pelancongan di negeri ini dan memberikan manfaat secara menyeluruh kepada masyarakat.
118. Kerajaan Negeri merancang untuk mewujudkan **pasar terapung** sebagai salah satu destinasi tarikan pelancongan yang baharu.
119. Memanfaatkan keunikan laluan pantai di negeri ini, **jajaran pelancongan “Coastal Scenic Drive”** yang bermula dari Kemaman sehingga ke Besut akan diwujudkan. Jajaran ini akan mempromosikan tempat-tempat menarik di setiap daerah seperti Pantai Kemasik di Kemaman, Pantai Rantau Abang di Dungun dan perkampungan nelayan di Marang.
120. Sebagai salah satu strategi menarik pengunjung ke negeri ini juga, pelancongan Islam akan terus diperkasakan. Untuk itu, rancangan dan usaha akan dibuat untuk memperkasakan **Ulama Trail**, mewujudkan **manuskrip digital karya ulama** dan



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

- membentuk **indeks khas** berkaitan produk dan perkhidmatan pelancongan Islam.
121. Bagi memastikan **Tasik Kenyir** dibangunkan secara lestari untuk meningkatkan ekonomi dan nilai budaya penduduk serta melindungi ekologi dan arkeologi, usaha untuk mengisytiharkannya **sebagai taman geologi** (geopark) akan digerakkan dengan lebih giat.
122. Selain itu, **Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Krisis Pelancongan** juga akan ditubuhkan bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan kecekapan dalam menghadapi sebarang kemalangan atau bencana berkaitan pelancongan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### Objektif 3 : Memperhebat Sektor Pertanian

123. Menerusi Pelan Strategik Halatuju Pertanian Negeri Terengganu 2019-2023 yang bermatlamat menjadikan Terengganu sebagai pengeluar makanan utama negara, sebanyak 72 program dan 33 projek telah



dilaksanakan pada tahun ini.

124. Pada tahun hadapan, sektor pertanian akan terus diberikan penekanan melalui peruntukan sebanyak RM7.43 juta.
125. Kerajaan Negeri akan melaksanakan **projek pembangunan padi** yang memfokuskan kepada penyelenggaraan tali air dan memulihkan tahap kesuburan tanah sawah dengan peruntukan **RM2.25 juta**.
126. **Pembangunan infrastruktur tanah terbiar** diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM1 juta**. **Pembangunan infrastruktur dan penyediaan kawasan bagi pertanian moden** melibatkan golongan belia terutamanya siswazah diperkenalkan dengan peruntukan **RM500 ribu**.
127. Di samping itu, **Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian** di Hulu Terengganu dan “**Honey House**” akan dibangunkan dengan kos sebanyak **RM700 ribu**. Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk membina baharu



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

- Pejabat Pertanian Hulu Terengganu** yang sering dilanda banjir supaya dapat meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan.
128. **Program CSR Tani** yang berkonsepkan gotong royong secara komuniti bagi pembersihan kawasan pertanian juga akan diperluas dengan peruntukan **RM300 ribu**.
129. Sebanyak **RM1.42 juta** diperuntukkan bagi **pembangunan sektor penternakan** melibatkan pembangunan padang ragut, pembangunan kambing tenusu, rumah sembelih berstatus halal dan program pembangunan Jurusuntik Permanian Beradas (AI). Kesemua projek ini akan diperkasakan bagi menjana peluang pekerjaan kepada golongan belia.
130. Bagi sektor perikanan, sebanyak **RM1.8 juta** diperuntukkan bagi memastikan kelestarian sumber marin dan memperkaya sumber perikanan. **Projek pembinaan dan melabuh tukun tiruan dan unjam** diteruskan secara bergotong-royong dalam kalangan komuniti perikanan dengan peruntukan sebanyak **RM600 ribu**.



131. Sebanyak **RM1.05 juta** lagi diperuntukkan bagi bantuan peralatan kepada nelayan kecil, program pelepasan benih ke perairan umum dan konservasi penyu termasuk menaik taraf **Pusat Santuari Penyu**.
132. **Skim Bantuan Modal Tani (SBMT)** dengan peruntukan sebanyak **RM5 juta** dan **Tabung Bantuan Bencana Pertanian** sebanyak **RM1 juta** juga akan diteruskan. Sehingga kini, seramai 523 warga tani telah mendapat manfaat daripada saguhati bencana pertanian dengan nilai RM423,650 dan seramai 398 warga tani diberi pinjaman SBMT dengan nilai RM7.14 juta.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

## **Objektif 4 : Mengembangkan Pelaburan dan Perindustrian**

133. Kerajaan Negeri menerusi kerjasama dengan pelbagai agensi negeri dan persekutuan telah berjaya menambah nilai pelaburan berjumlah RM2.95 bilion pada tahun 2020 berbanding RM893.66 juta pada tahun 2019. Usaha ini akan digandakan lagi untuk mencapai sasaran pelaburan berjumlah RM3.75 bilion



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

bagi tahun ini dan sehingga RM5 bilion pada tahun hadapan.

134. Antaranya adalah menerusi pembangunan **Projek Penanaman Lada Hitam Komersial di Mukim Merang, Setiu** oleh Syarikat McCormick Global Ingredients Sdn. Bhd. Projek ini melibatkan pelaburan berjumlah **RM356.2 juta** dalam tempoh 10 tahun dan bakal menawarkan sebanyak 2,000 peluang pekerjaan serta memperkenalkan model “*outgrower scheme*” melalui penglibatan petani tempatan. Perjanjian antara Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) dengan McCormick akan ditermeterai pada penghujung tahun ini.
  
135. Kerajaan Negeri juga menjangkakan akan meraih nilai pelaburan berjumlah melebihi **RM4.64 bilion** melalui projek-projek pembangunan pelaburan seperti **pembangunan industri silika di Teluk Kalong, pembukaan kawasan industri baharu di Perasing dan Kilang Pengurusan Sisa Berjadual Kerteh.**



136. Selain itu, **Jawatankuasa Pemutihan Lot-lot Industri** juga telah ditubuhkan bagi memastikan lot-lot industri dibangunkan dengan sebaiknya. Kerajaan Negeri juga sedang menambah baik **Dasar Pelaburan dan Perindustrian Negeri** termasuk mengemas kini prosedur permohonan dan kelulusan projek pelaburan supaya dapat menarik para pelabur.
137. Kerajaan Negeri juga meluluskan satu **kawasan perindustrian baharu bertempat di Pulau Kerengga, Marang** seluas 509 hektar disamping memperuntukkan sebanyak **RM250 ribu** bagi **menyediakan tapak asas bagi kawasan perindustrian Labohan**.
138. Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) pula akan membangunkan **kawasan tambahan Fasa 4 di Taman Biopolimer Kerteh (KBP)** berkeluasan 115 hektar. Pembangunan Fasa 4 ini dijangka akan memberi kelebihan kepada pelabur dari segi logistik kerana sumber bahan mentah adalah daripada beberapa syarikat petrokimia terkemuka yang beroperasi berdekatan Kompleks Petrokimia Bersepadu di Kerteh.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### Objektif 5 : Membangunkan Negeri

139. Seterusnya, bagi membangunkan negeri secara lestari, beberapa projek akan diteruskan pelaksanaannya dengan peruntukan berjumlah **RM120 juta**. Antaranya ialah **Pusat Pentadbiran Baharu Daerah Kuala Nerus**, pembangunan infrastruktur di Bandar Baharu Bukit Besar dan Bandar Baharu Kijal.
  
140. Pembangunan di setiap daerah juga sedang dirancang dan akan dilaksanakan sebaiknya. Peruntukan sebanyak **RM250 ribu** disediakan untuk **bayaran perunding Kajian Pelan Tindakan Khas Kuala Terengganu City Centre (KTCC)** serta kos pengurusan penyediaan **Kajian Rancangan Tempatan Daerah (RTD) 2035** bagi daerah Setiu, Marang dan Hulu Terengganu.



## TERAS 5 : MEMPERINDAH PERSEKITARAN DAN MELINDUNGI ALAM

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Objektif 1 : Meningkatkan Penjagaan Kebersihan dan Keceriaan**

141. Menerusi agenda Terengganu Bersih, empat (4) strategi utama telah digariskan iaitu pembudayaan penjagaan kebersihan dalam kalangan rakyat, pengurusan sisa pepejal, pembersihan awam dan pelestarian kawasan hutan.
142. Justeru, pada tahun 2022 fokus utama di bawah agenda ini adalah untuk menghasilkan **Pelan Pengurusan Sisa Pepejal Negeri Terengganu**.
143. Dalam memastikan aspek kebersihan dan keindahan bandar terpelihara juga, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berjumlah **RM55.5 juta** bagi **pemerkasaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam** di



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berserta penganjuran program *Terengganu Clean Up Day*.

144. Peruntukan ini juga melibatkan **penambahan bilangan tong sampah** yang dianggarkan sebanyak **RM1 juta** yang akan digunakan bagi mengatasi isu kekurangan dan kerosakan tong sampah awam sedia ada. Diharap dengan penambahan tong sampah ini akan dapat meningkatkan aspek keceriaan persekitaran terutamanya di tempat awam dan jalan utama.
145. Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk melaksanakan projek *Integrated Island Waste Management* yang memfokuskan ke arah penambahbaikan pengurusan sisa pepejal secara bersepadu di Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Kapas dengan kerjasama antara PBT dan *United Nations Development Programme* (UNDP).
146. **RM160 ribu** lagi diperuntukkan bagi membangunkan mentaliti dan budaya bersih dalam kalangan masyarakat menerusi penganjuran **pertandingan “Kampungku Bersih”**.



Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

## Objektif 2 : Melindungi Kelestarian Alam

147. Bagi memastikan pembangunan di Negeri Terengganu bergerak seiring dan menitikberatkan kelestarian alam sekitar, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM400 ribu** bagi projek berasaskan pemuliharaan alam sekitar.
148. Peruntukan berkenaan disediakan untuk **projek pembangunan di kawasan Central Forest Spine (CFS)** yang menjadi tunjang kepada habitat hidupan liar di Negeri Terengganu dan **projek pengurusan hutan** yang membolehkan kawasan hutan diurus secara mampan dan lestari bagi mengekalkan Pensijilan Pengurusan Hutan yang telah dianugerahkan sejak tahun 2000.
149. Selain itu, program ***Marine Spatial Planning*** yang dilaksanakan di bawah pembiayaan *China Oceanic Development Foundation* (CODF) juga merupakan inisiatif dalam meningkatkan perlindungan dan



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

pemeliharaan ekosistem, habitat dan spesies marin secara menyeluruh terutamanya di pulau-pulau peranginan utama di negeri ini.

150. Bagi tujuan itu juga, Kerajaan Negeri **meminda Enakmen Penyu Terengganu 1951 (Pindaan 1987)** untuk menguatkuasakan larangan penjualan semua jenis telur penyu dan tuntung.



## PENGUMUMAN KHAS

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

151. Saya ingin menzahirkan rasa dukacita terhadap nasib **70 orang pelajar kita yang menjadi yatim dan yatim piatu** disebabkan kematian ibubapa dan penjaga mereka akibat COVID-19. Sebagai tanda simpati Kerajaan Negeri, **pemberian bernilai RM500** disediakan untuk mereka dalam bentuk tunai dan caruman tabung pendidikan. Sama-sama lah kita mendoakan semoga ibu dan ayah mereka ditempatkan dalam kalangan *solihin*.
  
152. Sebagai menghargai jasa para **penjawat awam** yang telah menggerakkan jentera kerajaan demi menjamin perkhidmatan yang terbaik dapat disampaikan kepada rakyat, Kerajaan Negeri dengan ini mengumumkan **pemberian bonus bernilai RM700**.



## UCAPAN BELANJAWAN 2022

### PENUTUP

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

153. Akhirnya, tahun 2022 menjadi tahun yang amat penting kepada negeri Terengganu dan negara kita. Tahun untuk kita memacu kembali pertumbuhan ekonomi negeri dan menyejahterakan kehidupan rakyat.
154. Saya yakin dengan kerjasama dan kerja kuat daripada semua pihak bagi menjayakan agenda-agenda yang digariskan dalam Belanjawan 2022 ini akan meletakkan Terengganu pada landasan yang lebih baik.

*Pergi ke Pantai Memancing Tenggiri,*

*Pergi ke Hutan Melihat Tempua,*

*Bersama Kita Majukan Negeri,*

*Merakyatkan Sejahtera Untuk Semua.*

Hanya kepada Allah SWT jualah saya menyerahkan segala urusan kerajaan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan.